

▼20/09/19-44MST

R GB 20-09 00154 BH573

aab

Mahathir - Usahawan

PM KAGUMI USAHAWAN MELAYU YANG BERJAYA DI BIDANG PEMBUATAN

ALOR SETAR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini melahirkan rasa kagumnya terhadap sebilangan usahawan Melayu yang berjaya dalam bidang pembuatan yang pada masa dahulu difikirkan tidak mempunyai kebolehan.

Katanya, kemampuan mereka menghasilkan barangan elektronik untuk dibekalkan kepada kilang-kilang besar menunjukkan kaum bumiputera juga berkebolehan.

Apa yang menjadi masalah kepada mereka ialah kekurangan modal dan tempat untuk mereka menjalankan perusahaan, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan khas dengan jawatankuasa UMNO Bahagian Kubang Pasu di kediaman rasmi Menteri Besar di Menteloon di sini.

Sebelum itu, Perdana Menteri menghabiskan masa kira-kira sejam mendengar taklimat berkenaan industri kecil dan sederhana di Bangunan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di sini.

Katanya, usahawan berkenaan mampu menghasilkan barangan elektronik seperti "chipboard" dan "injection mould" yang dibekalkan kepada kilang-kilang besar seperti Sony. -- Lagi

▼20/09/20-15MST

CNS2643

R GB 20-09 00140 BH574

aab

Mahathir - Usahawan 2 (akhir) Alor Setar.

"Inilah peranan yang harus dimainkan oleh KEDA untuk mengadakan tempat supaya mereka dapat menjalankan industri berkenaan dengan lebih berkesan dan dapat memperbesarkan perusahaan mereka.

"Ini sesuatu yang tidak diusahakan oleh kerajaan tetapi mereka berusaha sendiri dan saya ucap tahniah kepada orang yang semacam ini yang tidak meminta bantuan kerajaan sahaja", katanya.

Katanya, kerajaan akan sentiasa menyokong kuat kepada usahawan seperti itu.

Orang yang sentiasa meminta pertolongan dan apabila telah ditolong masih meminta bantuan kemungkinan untuk mereka berjaya adalah kurang.

Ketika ditanya mengenai mutu barangan yang dihasilkan, Perdana Menteri berkata, kualiti barangan mereka boleh diterima bahkan ada di antara barang yang dihasilkan mencapai kualiti SIRIM ISO 9000 dan barangan berkenaan juga mencapai tahap untuk dieksport. -- Bernama

AMJ KHY RS

▼20/09/20 15MST